

Baca petikan. Kemudian, jawab soalan yang diberi.

Permainan hoki telah dikenali sejak lama dulu. Permainan ini telah dimainkan oleh orang-orang Parsi Yunani. Setiap pasukan mempunyai sepuluh orang pemain yang akan bermain di dalam satu perlawanan. Setiap pemain memukul bola dengan menggunakan kayu hoki. Mereka tidak boleh memukul bola hoki dengan menggunakan kaki dan menendangnya. Bola hoki juga tidak boleh dilambung atau dilontar dengan tangan.

1. Bilakah permainan hoki mula dikenali?

Permainan hoki mula dikenali _____.

2. Permainan hoki telah dimainkan oleh siapa?

Permainan hoki telah dimainkan oleh _____.

3. Berapakah jumlah pemain yang bermain dalam satu pasukan?

Jumlah pemain yang bermain dalam satu pasukan ialah seramai _____.

4. Bagaimanakah cara pemain memukul bola?

Pemain memukul bola _____.

5. Apakah yang tidak boleh dilakukan oleh pemain?

Pemain tidak boleh _____.

_____.

Disediakan oleh: Cikgu Mahadi bin Abdullah